

03 JUL 2001

TPPU-PELUANG

TPPU PERLU BERI PELUANG KEDUA HANYA PADA USAHAWAN YANG TELAH BERUSAHA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) yang diperkenalkan hari ini harus digunakan untuk memberi peluang kedua kepada usahawan yang telah berusaha untuk menjayakan usahaniaga mereka tetapi gagal kerana perkara di luar kawalan mereka, kata Pengerusi Tenaga Nasional Bhd Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis.

Tetapi bagi yang menyalahgunakan peluang yang telah diberikan perlu dihukum, kata Dr Jamaludin pada sidang akhbar selepas menyampaikan sumbangan Tenaga sebanyak RM50,000 untuk aktiviti tahunan Student In Free Enterprise (SIFE), di sini, hari ini.

"Kalau kahwin baru atau beli kereta baru, perlu dihukum," tegas beliau.

Beliau berkata penerima kontrak yang menyerahkan kontrak mereka kepada orang lain juga tidak harus dibantu dengan tabung tersebut.

Peluang kedua perlu diberikan hanya kepada usahawan-usahawan yang menghadapi masalah di luar kawalan seperti perubahan struktur pasaran, ekonomi atau teknologi, dengan alasan yang menyakinkan, kata beliau.

Sebagai contoh, Jamaludin berkata, kalau ada usahawan Bumiputera yang diberikan tugas menanam kabel tetapi kabel yang diberikan oleh Tenaga untuk ditanam itu telah dicuri, Tenaga harus memberi peluang kepada mereka melalui penyelesaian yang memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak.

Tenaga tidak harus memaksa usahawan tersebut untuk membayar sekaligus kerugian itu, kata beliau.

Memang ada usahawan-usahawan Bumiputera, termasuk usahawan wanita, yang telah berusaha tetapi menghadapi masalah, kata beliau.

TPPU dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari ini.

Tabung tersebut mempunyai peruntukan sebanyak RM500 juta, di mana RM120 juta diperuntukkan untuk penyelesaian hutang tak berbayar (NPL).

Lebih 10,000 usahawan Bumiputera kini dibelenggu masalah pinjaman tidak berbayar (NPL).-- BERNAMA

MSL ZK